

# DOSM terima Anugerah Kecemerlangan Pendukung Perkongsian Data Nasional

**Putrajaya:** Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerima Anugerah Kecemerlangan Pendukung Perkongsian Data Nasional (Sektor Awam) daripada Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) sempena majlis Anugerah Penghargaan Industri Ekonomi Digital.

Anugerah berkenaan disampaikan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia Tan Sri Annuar Musa kepada Ketua Perangkawan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.

Pejabat Ketua Perangkawan dalam satu kenyataan memaklumkan anugerah itu merupakan penghargaan dan pembakar semangat warga kerja DOSM agar terus berdedikasi dalam melaksanakan tugas penyampaian statistik berkualiti kepada orang awam meskipun berdepan cabaran termasuk pandemik Covid-19 dan peningkatan keperluan pelbagai data baharu serta data masa nyata bagi pengurusan sosioekonomi negara dalam persekitaran yang semakin

kompleks.

"Sehingga 1 Julai 2022, portal DOSM, [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) sudah dilawati 5,734,113 pelawat manakala sebanyak 1,166 penerbitan statistik (109 bulanan, 32 suku tahunan, 200 tahunan dan 825 ad hoc) serta 125 stats alert telah dikeluarkan," menurut kenyataan berkenaan.

Dalam penerbitan visual interaktif pe-

nyebaran data, DOSM sudah menyediakan lima platform iaitu Malaysia External Trade Statistics Online, Business Cycle Clock Malaysia, CPI Inflation Calculator, MyLocal Stats dan Population Quick Info.

Menurut Pejabat Ketua Perangkawan, sebanyak sembilan dashboard juga telah disediakan iaitu Agricultural

Analytical System, Tourism Dashboard, Malaysia Economic Recovery Dashboard, National Occupational Accident Statistics, Job Market Insights, My Job Profile, Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID), OpenDOSM dan Population and Housing Census of Malaysia Dashboard (MyCendash).

DOSM juga telah membangunkan tujuh portal data iaitu e-Statistik, StatsDW, StatsBDA, Stats Geoportal, Stats Digital, MysIDC dan

Portal Banci.

DOSM sebagai agensi utama dalam urusan data negara, menyediakan sistem maklumat statistik yang bermutu, relevan serta capaian dalam bentuk masa nyata, selain memastikan produk dan perkhidmatan yang disediakan berorientasikan pengguna dan bertenpat masa dengan membekalkan data kepada agensi pusat untuk pembentukan dasar perancangan pembangunan dan pentadbiran negara.

**Sehingga 1 Julai 2022, portal DOSM sudah dilawati 5,734,113 pelawat**